

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/5 (34)



SURAT PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 15 TAHUN 2023

PINDAAN SENARAI MESYUARAT UTAMA BAGI KEPERLUAN ULASAN KEWANGAN DARIPADA PEJABAT BENDAHARI

Pejabat Bendahari

7 Jun 2023

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.100-1/3/5 (34)

7 Jun 2023

SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 15/2023

PINDAAN SENARAI MESYUARAT UTAMA BAGI KEPERLUAN ULASAN KEWANGAN DARIPADA PEJABAT BENDAHARI

1.0 TUJUAN

- 1.1 Proses ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pusat Tanggungjawab Universiti Teknikal Malaysia Melaka berkaitan proses kerja bagi mendapatkan ulasan kewangan daripada Pejabat Bendahari, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Bagi memastikan setiap perancangan dan pengurusan hal ehwal kewangan PTj dapat diurus serta dilaksanakan dengan baik, ulasan kewangan dari Pejabat Bendahari kini menjadi salah satu keperluan utama yang membantu pertimbangan dan penilaian pihak pengurusan tertinggi Universiti dalam membuat keputusan. Kepentingan penasihat kewangan ini telah dinyatakan melalui SPK Bil.10/2022 yang dikeluarkan oleh Pejabat Bendahari pada 06 September 2022.
- 2.2 Sehubungan dengan itu bagi memperkemas dan memastikan ketepatan maklumat/data pada setiap ulasan kewangan yang diberi oleh Pejabat Bendahari, permohonan ulasan kewangan ini perlu diberi perhatian oleh setiap pusat tanggungjawab dan Pihak Berkuasa Universiti sebelum dibawa ke mesyuarat utama Universiti.

3.0 PROSES KERJA PENYEDIAAN ULASAN PEJABAT BENDAHARI

- 3.1 Setiap kertas kerja yang memerlukan ulasan kewangan dari Pejabat Bendahari perlu dikemukakan melalui serahan emel sahaja kepada penyelaras sekurang-kurangnya **7 hari** sebelum mesyuarat bersidang.
- 3.2 Penyelaras ulasan kewangan Pejabat Bendahari adalah Unit Pengurusan Strategik dan Governan, Bahagian Pengurusan Strategik dan Risiko, Pejabat Bendahari.
- 3.3 Carta alir proses kerja permohonan ulasan adalah seperti di **Lampiran 1**.
- 3.4 Bagi memastikan setiap ulasan kewangan yang diberikan oleh Pejabat Bendahari adalah yang terbaik dan merangkumi setiap aspek kewangan yang berkaitan, permohonan ulasan yang diterima terlalu lewat sepertimana dinyatakan di para 3.1 akan ditandakan sebagai **LEWAT TERIMA** dan tiada ulasan akan diberi disebabkan kesuntukan masa untuk melalui proses semakan dan pengesahan.
- 3.5 Setiap ulasan kewangan yang telah disahkan oleh Bendahari akan dikemukakan kembali kepada pemohon melalui emel rasmi pihak penyelaras.

4.0 MESYUARAT YANG MEMERLUKAN ULASAN KEWANGAN PEJABAT BENDAHARI

- 4.1 Mesyuarat utama Universiti yang memerlukan ulasan kewangan dari Pejabat Bendahari adalah :
 - 4.1.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti;
 - 4.1.2 Mesyuarat Majlis Eksekutif; dan

4.1.3 Mesyuarat Senat.

4.2 Mesyuarat selain daripada perkara 4.1 adalah tidak tertakluk kepada Ulasan Kewangan daripada Pejabat Bendahari. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat keperluan PTj boleh merujuk secara terus kepada mana-mana Bahagian di bawah Pejabat Bendahari seperti berikut :

4.2.1 Bahagian Pengurusan Sumber;

- i) Unit Bajet
- ii) Unit Perolehan
- iii) Unit Rekod Aset dan Stor

4.2.2 Bahagian Pengurusan Kewangan;

- i) Zon Kewangan PTj A dan Pembangunan
- ii) Zon Kewangan PTj B dan Penyelidikan
- iii) Zon Kewangan Kampus Teknologi
- iv) Unit Emolumen dan Pembiayaan

4.2.3 Bahagian Pengurusan Maklumat Kewangan dan Perakaunan;

- i) Unit Pengurusan Kewangan Pelajar
- ii) Unit Perakaunan dan Sistem Maklumat Kewangan
- iii) Unit Pentadbiran dan Kewangan

4.2.4 Bahagian Pengurusan Hasil;

- i) Unit Terimaan dan Hasil
- ii) Unit Kawalan Kredit

4.2.5 Bahagian Pengurusan Strategik dan Risiko

- i) Unit Pengurusan Strategik dan Governan
- ii) Unit Pengurusan Risiko dan Pematuhan

5.0 JENIS KERTAS KERJA YANG MEMERLUKAN ULASAN KEWANGAN

- 5.1 Merujuk kepada Surat Edaran Pentadbiran Bil. 8 Tahun 2021, jenis kertas kerja yang memerlukan ulasan kewangan adalah seperti berikut:
 - 5.1.1 Cadangan dasar atau garis panduan baharu;
 - 5.1.2 Program/aktiviti yang tiada dalam perancangan awal PTj;
 - 5.1.3 Cadangan untuk mengadakan atau melanjutkan hubungan kerjasama dengan pihak luar;
 - 5.1.4 Penganjuran persidangan/seminar/kursus; dan
 - 5.1.5 Lain-lain kertas cadangan yang memerlukan ulasan kewangan dari sudut implikasi kewangan dan peraturan kewangan.
- 5.2 Kertas kerja yang melibatkan aktiviti/program rutin bersifat operasi dan pentadbiran Pusat Tanggungjawab boleh merujuk terus ke setiap Zon Kewangan berkaitan.
- 5.3 Penilaian ulasan yang diberikan oleh Pejabat Bendahari akan melihat semua aspek pengurusan dan peraturan kewangan iaitu pengurusan bajet, pengurusan perolehan, pengurusan aset, pengurusan pembayaran, pengurusan wang/tunai, pengurusan Tabung Amanah dan prosedur kewangan yang terlibat.

6.0 TARIKH KUATKUASA

- 6.1 Pekeliling ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan dan Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 10 Tahun 2022 bertarikh 6 September 2022 adalah dibatalkan.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



SABARINA BINTI ABDULLAH

Bendahari

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

NBY/ulasankewangan/2023

CARTA ALIR PROSES KERJA BAGI MENDAPATKAN ULASAN KEWANGAN DARIPADA PEJABAT BENDAHARI

